

Putrajaya

**JKM sedia
ambil tindakan**

Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) akan mengambil tindakan selepas menerima laporan polis berhubung kes pengasuh wanita mengasari kanak-kanak di sebuah pusat asuhan di kawasan institusi penyelidikan di Sepang.

Sumber JKM berkata, buat masa ini, jabatan itu tidak boleh mengambil tindakan

sewenang-wenangnya memandangkan ia dalam siasatan pihak berkuasa.

“Selepas laporan itu diterima, pihak JKM akan bertindak,” katanya ketika dihubungi, semalam.

Semalam, Harian Metro melaporkan, tiga pengasuh pusat asuhan ditahan polis susulan penyebaran rakaman kamera litar tertutup (CCTV) menunjukkan tindakan mereka mengasari kanak-kanak pusat berkenaan.